

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**AGIHAN ZAKAT BERDASARKAN  
HAD AL-KIFAYAH FAKIR DAN  
MISKIN: ANALISIS FIQH DAN  
REALITI DI SARAWAK**

**MOHD SYAHIRAN ABDUL LATIF**

Tesis yang dikemukakan  
bagi memenuhi keperluan ijazah untuk  
**Doktor Falsafah**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**November 2019**

## ABSTRAK

Zakat berperanan sebagai sumber kepada jaminan sosial yang berupaya membawa kelestarian hidup dalam masyarakat kerana fungsinya yang pelbagai dalam memenuhi keperluan golongan *muhtajin*, mencukupkan keperluan fakir dan miskin, dan memberi jaminan perlindungan kepada golongan yang lemah. Berdasarkan kepada angka kutipan zakat di negeri Sarawak yang meningkat, jelas menunjukkan bahawa masalah pungutan zakat tidak lagi menjadi isu utama. Namun, setelah sekian lama zakat diagihkan, masih terdapat ramai fakir dan miskin yang tidak terlepas daripada belunggu kemiskinan biarpun terdapat dikalangan mereka yang telah begitu lama menerima bantuan zakat. Selain daripada itu, terdapat lebih zakat yang banyak tidak diagih pada setiap tahun. Penyelidikan ini bertujuan mengkaji pandangan fuqaha mengenai *had al-kifayah* agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin dan seterusnya menganalisis pelaksanaan *had al-kifayah* agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin di Malaysia khususnya di Sarawak. Rekabentuk kajian dibahagikan kepada dua fasa, iaitu fasa pertama yang bersifat teoritikal dengan membuat pengkajian ke atas teks dan pandangan fuqaha berkenaan konsep agihan zakat dengan menggunakan pendekatan induktif, deduktif dan komparatif. Manakala fasa kedua bersifat empirikal dengan melakukan kajian ke atas responden di sebelas bahagian di negeri Sarawak menggunakan instrumen borang kajiselidik. Sebanyak 850 set soal selidik telah diedarkan kepada responden beragama Islam terpilih di tiga kawasan kediaman iaitu kawasan bandar, pinggiran bandar dan luar bandar. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan frekuensi, *min* dan korelasi. Hasil analisis kajian mendapati sebanyak 78.6 peratus responden dari kelompok fakir bandar berbelanja melebihi pendapatan. Selain itu, kajian juga mendapati corak perbelanjaan yang berbeza diantara tiga kawasan tersebut. Hasil tinjauan kajian turut mendapati, mekanisme agihan zakat di Sarawak tidak menggunakan *had al-kifayah* khusus serta disandarkan kepada asas yang lemah dan tidak menepati keperluan. Kesan daripada agihan zakat tidak efisien telah menyebabkan berlakunya lebih wang zakat tidak diagih dan keciciran kelayakan asnaf penerima zakat daripada kelompok fakir dan miskin.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang mempermudah urusan sehingga tesis kajian ini Berjaya diselesaikan. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda SAW, para sahabat Baginda SAW dan siapa jua yang mengikuti mereka dengan ikhlas hinggalah ke hari kiamat.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua penyelia saya, Profesor Madya Dr. Suwaid Tapah dan Profesor Madya Dr. Hassan Bahrom yang mana walaupun kedua mereka telah pun bersara, tetapi masih terus gigih memandu perjalanan kajian ini dari awal hingga akhir dan sentiasa mendisiplinkan saya agar sentiasa berusaha menjadi yang terbaik demi kemuliaan Islam. Juga setinggi penghargaan diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Mohd Dani Muhammad selaku penyelia kajian yang banyak memberi tunjuk ajar sehingga memudahkan urusan penyelesaian kajian ini.

Ucapan Terima kasih seterusnya diucapkan kepada Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali Rektor UiTM Sarawak yang begitu banyak berkongsi idea dan inspirasi serta memberikan sumber rujukan kepada penyelidik sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada semua pensyarah di Pusat Pengajian Islam Kontemporari UiTM Sarawak (ACIS UiTM Sarawak) yang sering menjadi tempat rujukan saya. Terima kasih juga kepada Datu Haji Abang Mohd Shibli Abang Haji Mohd Nailie (Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak) dan juga seluruh kakitangan TBS yang banyak membantu memudahkan perjalanan kajian ini.

Terakhirnya, penghargaan penghargaan paling istimewa buat ayahanda dan bonda serta mertua yang terlalu banyak berkorban semenjak bermulanya proses menghasilkan tesis ini. Semoga Allah SWT mengasihi mereka sebagaimana mereka mengasihi diri saya. Tidak lupa juga buat isteri tercinta, Harialti Abu Hassan serta anak-anak, Umairah Hana, Awfa Hana, Umair Salehin dan Daniel Salehin yang sentiasa memahami perjuangan suami dan abah demi meraih kecemerlangan dunia dan akhirat. Mudah-mudahan Allah S.W.T memasukkan kita semua ke dalam golongan *solihin* serta *mukhlisin* dan apabila kembali kepadaNya kelak dalam keadaan hati yang tenang dan diredhai. Amin

# ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>II</b>
<b>DEKLERASI</b>	<b>III</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>IV</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>V</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>VI</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>XI</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>XII</b>
<b>SENARAI CARTA</b>	<b>XV</b>
<b>SENARAI GRAF</b>	<b>XVI</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>XVII</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	<b>XVIII</b>
<b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian	5
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3.1 Agihan Zakat Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) Tidak Menyeluruh	8
1.3.2 Lebihan Wang Zakat Tidak Diagih	9
1.3 Rumusan Permasalahan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Definisi Operasional Kajian	15
1.7.1 Agihan Zakat	15
1.7.2 <i>Had al-Kifayah</i>	16
1.7.3 Asnaf Fakir dan Miskin	16
1.7.4 Kajian di Sarawak	17
1.8 Limitasi Kajian	17
1.9 Organisasi Tesis	18

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan

Allah SWT menciptakan manusia sebagai makhluk yang memiliki kecenderungan fitrah untuk hidup bermasyarakat disamping perjalanan takdir hidup yang berbeza-beza antara satu sama lain. Perbezaan tersebut menjadi rencah utama dalam kehidupan bermasyarakat lantaran wujudnya jurang kaya dan miskin memisahkan kehidupan mereka walaupun hidup dan berjalan di atas bumi yang sama, tetapi status dan keadaan mereka berbeza.

Muslim yang beriman sentiasa meyakini bahawa semua yang ditakdirkan dalam kehidupan di dunia ini adalah ujian bagi keimanan manusia sama ada kaya atau pun miskin. Justeru, wujudnya jurang pemisah di antara kedua kelompok tersebut bukanlah alasan sehingga membawa kepada penindasan dan pencemaran sosial seperti budaya kasta dan amalan perbezaan status berasaskan material. Sebagai langkah menangani permasalahan tersebut, perlu ada medium yang boleh mengikat kemesraan dan kasih sayang di antara mereka agar keutuhan dan keharmonian hidup bermasyarakat dapat dilestarikan dengan baik. Maka di sinilah Islam datang memberikan solusi terbaik dengan memperkenalkan zakat sebagai satu sistem yang berupaya mengharmonikan isu tersebut sekaligus membina kembali tautan ukhuwah dan *mahabbah* dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian, peranan zakat amat diperlukan bagi mengimbangi semula ketidaksamarataan hidup dan seterusnya merapatkan kembali jurang perbezaan di dalam masyarakat yang semakin hari semakin menjauh.

Allah SWT berulang kali menyebutkan di dalam al-Quran berkenaan dengan rangsangan melakukan sedekah dan kebajikan sebagaimana Allah SWT menjanjikan ganjaran pahala yang bakal diperolehi oleh orang-orang yang melakukannya menerusi firman Allah SWT:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاطِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ  
وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ